

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes kematian arwah Muhammad Adib Mohd Kassim, kes kematian Teoh Beng Hock dan juga kesemua kes-kes kematian dalam tahanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 9 Oktober 2021, sebuah jawatankuasa khas akan diwujudkan bagi memastikan siasatan menyeluruh, telus dan pembelaan sewajarnya terhadap kes kematian Allahyarham Adib. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) dan turut dianggotai oleh Menteri Dalam Negeri (KDN), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), serta Peguam Negara.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri dan semua agensi dibawahnya sedia memberikan komitmen penuh dan kerjasama kepada jawatankuasa khas tersebut dalam membawa pelaku ke muka pengadilan.

Yang Berhormat,

Bagi status kematian Teoh Beng Hock, pihak PDRM telah membuka kembali Kertas Siasatan kes berkenaan di bawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan (Kurungan Salah). Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 24 Februari 2020 dan pihak PDRM diminta untuk meneruskan siasatan dan mengemukakan kembali kertas siasatan ke pejabat Peguam Negara setelah siasatan lengkap dijalankan.

Untuk makluman, pihak polis telah menjalankan rakaman percakapan ke atas 13 orang saksi dan siasatan masih berjalan. Sehubungan itu, saya tidak berhasrat untuk mengulas lebih lanjut berhubung kes ini bagi mengelakkan ianya mengganggu siasatan.

Yang Berhormat,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan. Kementerian juga sentiasa mengambil langkah-langkah pembaharuan untuk mengatasi kejadian berkenaan dari terus berulang pada masa hadapan. Ini termasuk menyediakan penilaian kesihatan kepada tahanan-tahanan lokap PDRM di seluruh negara. Sehubungan itu, Kementerian komited dalam

SOALAN NO : 27

memastikan setiap kes yang berlaku akan disiasat dan diambil tindakan berdasarkan lunas undang-undang sedia ada serta membawa pelaku terlibat ke muka pengadilan.

Statistik terkini kematian orang tahanan yang dilaporkan dalam lokap Polis Diraja Malaysia (PDRM), bermula dari **1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020** adalah seramai **13 orang**. Pihak PDRM telah membuka kertas siasatan berhubung perkara ini dan tujuh (7) daripada hasil siasatan tersebut telah dirujuk ke Mahkamah. Mahkamah telah memutuskan tiga (3) kematian diklasifikasikan sebagai 'No Further Action' manakala empat (4) kes kematian diperintahkan menjalani proses inkues. Baki enam (6) kes kematian lain masih di peringkat siasatan PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh dari 1 Januari 2021 hingga 30 September 2021 pula, sebanyak sepuluh **(10) orang** kes kematian dalam lokap PDRM dilaporkan. Daripada jumlah ini, empat (4) kematian melibatkan lelaki Melayu iaitu dua (2) Perak, satu (1) Pahang dan satu (1) Pulau Pinang manakala satu (1) kematian melibatkan perempuan Melayu di Johor. Dua (2) kematian melibatkan lelaki Cina iaitu masing-masing satu (1) di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Kematian melibatkan dua (2) lelaki India masing-masing dilaporkan di Melaka dan Selangor manakala satu (1) kematian melibatkan warganegara asing dilaporkan di Sabah. Sehingga kini, Mahkamah telah memerintahkan satu (1) kes dalam prosiding inkues dan Sembilan (9) kes lagi masih dalam siasatan kerana menunggu laporan *post mortem*. Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik sedia ada, tidak ada sebarang diskriminasi berlaku terhadap mana-mana kaum semasa OKT berada dalam tahanan PDRM.